

IKHWAN AL-MUSLIMIN, BERSATULAH SEKARANG.... !

PERSATUAN ISLAM SEMULIA PERDIRIANNYA MUZABZAB


Dalam perjumpaan ulama yang telah diadakan di Butterworth pada 24 November 1951 telah terjadi suatu dugaan, sama ada disadari atau tidak, kepada ahli-ahli persidangan itu percubaan yang tidak disangka-sangka yang terbitnya daripada suatu kejadian yang tidak disengaja iaitu mengukur siapakah yang sebenarnya daripada mereka itu yang kuat imannya kepada agama Islam, kuat keyakinannya memberi tenaga kepada agama Islam dengan tidak berbelah bagi. Kejadian-kejadian itu sehingga dibuat oleh “alim ulama” yang ada di situ dengan suatu ejekan sebagai kanak-kanak dan ada pula yang berludah sebagai “cina beca” yang semuanya kalau diperhati dengan halus dan saksama dapatlah kita melihat di mana adanya budi pekerti akhlak Islam yang mesti dipertahankan itu ada kepada sebahagian daripada mereka yang diharap oleh umat akan memandu mereka dan boleh jadi juga dengan budi pekerti yang demikian itu nanti akan hilanglah taraf “alim ulama” itu sebagai “waris kepada anbia’ “

MERBAHAYA

(oleh Edrus)

Sebelum saya membawa pembaca-pembaca kepada faedah dan natijahnya perjumpaan yang telah menubuhkan Persatuan Islam se-Malaya itu terlebih dahulu di sini patut benar rasanya dibentangkan kecuaihan-kecuaihan yang dijalankan oleh jawatankuasa penaja yang terutamanya ialah boleh dikata banyak pertubuhan-pertubuhan Islam yang tidak dihantar jemputan secara rasmi. Tatkala yang demikian itu ditanya maka pihak setiausaha jabatan itu menyatakan bahawa alamat-alamatnya tidak ada dan mereka hanya menjemput menerusi akhbar sahaja dan dengan demikian terjadilah jemputan itu sebagai sambil lewa yang mendatangkan ketiadaan puas hati banyak pertubuhan-pertubuhan yang lain yang patut dibawa berunding terutamanya di dalam masalah yang sebegitu besar.

Kejadian ini, sepanjang yang saya dengar adalah menjadikan syak sebahagian orang bahawa tajaan yang sedemikian itu tujuannya sememang dikehendaki tidak meliputi sekalian orang, melainkan ditujukan untuk



Kanan : Tuan Haji Muhamad Ghazali, pengerusi bagi perjumpaan menubuhkan persatuan Islam semalaya di Butterworth yang cergas memimpin perjumpaan itu. Yang menggigit telunjuk ialah Tuan Haji Ahmad Maliki (yang dilantik menjadi Setiausaha Persatuan Islam se-Malaya) dan Tuan Haji Ahmad Fuad (Yang Di-Pertuanya yang pertama). Kedua-dua yang pertama ialah ahli-ahli UMNO dan yang akhir pada masa itu, ahli UMNO dan IMP.

-----*-----*----- -----*-----*-----

Sesuai tujuan “yang tertentu” yang dirancangan terlebih dahulu. Saya tidak dapat mengesahkan tentang tuduhan-tuduhan yang demikian ini tetapi nanti akan dapat dilihat, sebagaimana yang telah diketahui ke mana hala kita telah dibawa di dalam perkara ini.

Menurut pendapat saya wakil-wakil yang mengambil bahagian

di dalam persidangan itu adalah sangat-sangat berharap bertubuh suatu pertubuhan siasah yang bertujuan membela kemuliaan dan taraf Islam di negeri ini terutamanya apabila hal-hal yang berkenaan dengan kedudukan agama itu dari semasa ke semasa ke belakang oleh kerana tidak ada suatu tubuh pun yang diberi untuk menggalangantikan kemuliaan dan taraf agama, sama ada dalam perkara siasah dan hal ehwal awam, yang dengan kerana itu mereka-mereka yang mengikuti keadaan yakin dan percaya hanya dengan berdiri suatu pertubuhan agama yang bersih itulah sahaja yang akan dapat mempertahankan hak dan kemuliaan agama. Mereka berkeyakinan bahawa pekerjaan beragama itu tidaklah ia suatu pekerjaan “menyambil” tetapi, sebagaimana yang telah pernah saya sebutkan hendaklah ia dikerjakan dengan tugas supaya tarafnya tidak berganjak walau sedikit pun.

Di dalam persidangan yang tersebut itu setelah dibahas dengan secara tepat oleh ahli persidangan pada mulanya telah didapati persetujuan yang sekurang-kurangnya bahawa hendaklah tiap-tiap seorang yang menjadi ahli jawatankuasa, yakni yang akan menjalankan bahtera Persatuan Islam se-Malaya itu, di dalam satu masa tidaklah mencampuri sesebuah badan politik yang lain. Keputusan itu telah berjalan dan apabila tiba kepada had untuk melantik ahli-ahli jawatankuasa maka di sinilah persidangan itu menemui “jalan buntu” oleh kerana orang-orang yang boleh diharap untuk memimpin pertubuhan itu hatinya masih berbelah bagi terhadap kepada agamanya dengan ada yang menyatakan ia masih sayang kepada ini dan itu lalu membiarkan keadaan di situ sehingga tidak dapat terlantik jawatankuasanya dan pada saat inilah terbit perbuatan sebagai “kanak-kanak” – ada yang sebagai bersilat lalu berludah dengan rupa yang menempelak dan mengejek kepada mereka-mereka yang “mencadangkan jangan memasukkan pertubuhan siasah yang lain” itu dan di sini dapatlah kita melihat bahawa apa yang telah



Wakil-wakil yang hadir di dalam persidangan menubuhkan Persatuan Islam se-Malaya

diputuskan bersama itu, sekalipun bersih tujuannya, telah tidak dipersetujui mereka.

Daripada kejadian ini, bagi seseorang yang penuh perasaan Islamnya dapatlah mengukur bahawa setakat mana iman dan kepercayaan mereka kepada agamanya. Sebahagian daripada mereka itu berbelah bagi hatinya dengan seolah-olah tidak mempunyai kepercayaan dan keyakinan kepada agamanya. Mereka itu seakan-akan lupa dan seakan-akan tidak menampak bahawa di dalam salah sebuah pertubuhan yang disertai mereka itu sudah pun berjalan “tipu daya” yang mengabui mata umat Islam bahawa mereka itu Islam dan menjalankan pekerjaan-pekerjaan Islam bagi umat Islam iaitu perkara-perkara yang sudah terang adanya dan diketahui oleh ramai bagaiman tipu dayanya yang telah sudahpun saya gambarkan di dalam majalah ini beberapa kali.

“Jalan buntu” ini harus tidak akan terjumpa sekiranya jemputan-jemputan ke persidangan itu diselenggarakan dengan cara yang berperaturan – tidak dengan cara sambil-sambil dan dengan kerana kecuaiannya jawatankuasa penaja itu adalah menjadikan yang demikian itu terjadi sehingga keputusan yang telah diambil dipecahkan semula lalu tampillah ke hadapan orang-orang yang suka tidak menetapkan pendiriannya menerima jawatan-jawatan yang tersebut sedang orang-orang yang berkeyakinan tidak akan berjaya sesuatu pertubuhan siasah yang bercampur itu lalu tidak mau mengambil bahagian walau sedikit pun

di dalam persidangan itu.

Saya percaya bahawa mereka berpendapatan tidak ada gunanya dan tidak ada manfaatnya sesuatu pertubuhan yang dipandu oleh seseorang yang telah memasuki dua atau tiga pertubuhan siasah yang lain. Yang Di-Pertuanya yang dilantik ialah daripada ahli IMP dan UMNO, Timbalan Yang Dipertuanya orang yang kasihkan UMNO dan banyak lagi. Perkara yang sedemikian ini akan menjadi satu tanda tanya yang besar. Sekiranya UMNO telah mengambil keputusan menjalankan loteri maka sudah tentu keputusan itu bertentang dengan dasar Persatuan Islam se-Malaya. Ke mana ia akan berdiri? Sekiranya berjalan pilihan raya untuk menduduki kerusi-kerusi di State Council – UMNO, IMP dan Persatuan Islam mengadakan calon masing-masing ke mana ahli-ahlinya berdiri? Ini semuanya ialah perkara-perkara yang akan terjadi iaitu perkara-perkara yang akan menjadi kesulitan kemudian hari dengan sebab tajaan permulaan itu tidak pada dasarnya yang kuat yang orang-orangnya seolah-olah lupa kepada janji Allah bahawa sesiapa yang akan menolong agama Allah maka Allah akan menolong mereka itu. Benar sungguh seperti mana hujah mereka yang mempertahankan supaya di dalamnya berjalan parti disiplin bahawa Tuhan tidak menjadikan dua hati di dalam tubuh manusia.

Dengan gambaran-gambaran yang tersebut itu dapatlah saya mengambil kesimpulan bahawa berdirinya Persatuan Islam se-Malaya itu tidak akan membawa faedah yang baik kepada umat Islam bahkan harus pendiriannya nanti akan dijadikan perkakas oleh orang lain oleh kerana mungkin penaja-penaja atau pengasasnya itu nanti mengutamakan maslahat dan kedudukan dirinya lebih dahulu daripada pertubuhan itu.

Daripada apa-apa yang tersebut di atas ini harapan di atas kejayaan tertubuhnya suatu pertubuhan yang mengawal hak-hak agama dalam negeri ini telah hampa.

Daripada perjumpaan itu zahir dengan

nyata bahawa pengorbanan yang diberi kepada agama tidak ada langsung. Hati mereka masih berbelah bagi sebab itulah saya perjcaya telah terbit lagi suatu cita-cita yang lain untuk menubuhkan suatu badan Islam yang sebenar-benarnya meliputi kehendak Islam yang mengawal dan menjaga maslahat orang-orang Islam dengan hati dan tujuan mereka tidak berbelah bagi- semata-mata kerana Allah memperjuangkan tuntutan agama Allah untuk mendirikan syiar Islam di dalam langkah-langkah yang sedemikian ini mustahak sungguh ditaja dengan perlahan-lahan oleh kerana dalam perjumpaan yang lampau itu kita telah melihat bahawa orang-orang kita masih banyak yang “pendusta” tidak menepati ikrar dan akuannya untuk mendirikan kemuliaan agama Allah. Dengan sebab itulah tujuan yang sedemikian ini mustahak sungguh terlebih dahulu dicari kawan-kawan yang sefaham, sehaluan, redha memberi pengorbanan dengan tidak mencari maslahat atau tujuan. Dengan tidak mencari nama dan kemegahan tetapi semata-mata perkerjaannya kerana Allah menunaikan ikrar dan akuannya dengan hati yang satu tidak berbelah bagi yang tidak menjadikannya mazabzib atau nifaq – berperdirian sebagai pucuk rhu megikut tiupan angin iaitu suatu perbuatan yang terkutuk, suatu perbuatan yang sangat-sangat dicelah oleh agama.

Saya berkeyakinan melihat daripada orang-orang yang tetap perdiriannya bahawa cita-cita yang sedemikian itu akan dapat dijalankan dan akan berjalan insya-Allah. Dengan yakin bahawa Allah akan menolong mereka-mereka yang menolong agama Allah adanya.



Sebahagian pemerhati dan wakil-wakil bebas di dalam persidangan itu.